

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 31/5/2012
Hari: Khamis MS: 3
Ruangan: GRAPAH

■ DARI MEJANC

Pendidikan tinggi percuma: wajarkah bandingkan Finland dengan Malaysia?

PENDIDIKAN tinggi kini menjadi satu isu politik yang hangat. Amat besar kebarangkaiannya isu ini terus dipolitikkan menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13). Pihak berkepentingan melihat begitu besar pengaruh dan kekuatan undi generasi muda hari ini yang mungkin menjadi penentu kepada keputusan PRU 13.

Kita perlu lihat isu ini secara rasional dan objektif bagi mengelakkan politik dan kecenderungan memihak (*partisanship*) menenggelamkan fakta sebenar isu penting ini.

Sebetulnya, tidak ada istilah pendidikan tinggi percuma. Mana-mana pihak tetap perlu menanggung kos pada akhirnya. Ini kerana pendidikan tinggi adalah sangat mahal kos pembiayaannya.

Justeru, siapa yang harus menanggungnya? Jawapannya, tidak lain dan tidak bukan ialah kerajaan. Dari mana Kerajaan akan mendapat 'ongkosnya', jika bukan daripada hasil kutipan cukai atau hasil kekayaan negara? Parti Keadilan Rakyat (PKR) menyebut bahawa mereka akan menggunakan sumber kekayaan Petronas bagi tujuan ini.

Kewajaran menggunakan hasil Petronas untuk membiayai kos pendidikan tinggi negara perlu difikirkan dengan teliti. Adilakah kepada syarikat minyak negara ini yang bertungkus lumus mencari sumber perniagaan mereka di serata pelusuk dunia bagi menjadikan Petronas berdaya maju dan memperolehi keuntungan, tiba-tiba wangnya diambil bagi membiayai pendidikan tinggi sesetengah orang sahaja? Bukan semua rakyat Malaysia menikmati pendidikan tinggi. Mereka yang masuk ke IPT adalah atas pilihan sendiri untuk masa depan kerjaya mereka. Justeru, wajarkah Petronas pula yang disuruh membiayai pengajian tinggi sekelompok rakyat Malaysia ini?

Hasil minyak Malaysia adalah sangat kecil dan akan habis dalam tempoh yang singkat jika tiada sumber baru. Keuntungan Petronas di luar negara juga bergantung kepada pasaran minyak dunia dan keupayaannya berniaga dalam industri aliran minyak dan gas. Hasil minyak Petronas bukan tetap sepanjang masa dan keupayaannya untuk mencatat keuntungan besar sepanjang masa juga adalah tidak terjamin, walaupun Petronas mencatatkan keuntungan besar sekarang ini. Justeru, Petronas tidak harus dijadikan pergantungan tetap dan pertaruhan hanya kerana ada pihak yang mahu menang PRU13 walau dengan apa cara sekali pun.

Justeru, kita akhirnya terpaksa juga bergantung kepada hasil cukai yang dikutip, jika sekiranya ingin terus membiayai pendidikan tinggi negara secara percuma. Hal inilah yang dilakukan oleh Finland, Norway dan Denmark yang sering dirujuk sebagai kes negara maju yang membiayai pendidikan tinggi mereka secara percuma. Mereka menggunakan hasil cukai yang sangat tinggi yang dikutip bagi tujuan ini. Namun adakah membandingkan apa yang dilakukan oleh negara berkenaan dengan Malaysia?

Finland mempunyai pendapatan perkapita USD44,489, Denmark - (USD56,147) dan Norway - (USD84,444). Pendapatan perkapita Malaysia hanya USD8,423 sahaja. Kadar cukai pendapatan individu di negara tersebut juga amat tinggi antara 6.5 hingga 55.4 peratus. Mereka juga melaksanakan GST/VAT sekitar 23 hingga 25 peratus yang belum lagi diamalkan di Malaysia.



NAIB Canselor UUM, Prof Datuk Dr M. Mustafa Isahak.

Kadar kutipan cukai pendapatan individu di Malaysia hanya antara 0 hingga 26 peratus sahaja. Terdapat ramai rakyat Malaysia yang langsung tidak membayar cukai pendapatan individu. Kita lebih menumpu kepada kutipan cukai korporat berbanding cukai pendapatan individu. Malaysia masih sebuah negara berpendapatan sederhana berbanding Finland, Denmark dan Norway yang merupakan negara maju berpendapatan tinggi.

Justeru, Malaysia sangat memerlukan transformasi ekonomi supaya kita segera keluar daripada perangkap negara berpendapatan sederhana lalu menjadi negara berpendapatan tinggi.

Dari segi saiz penduduk pula, ketiga-tiga negara maju di wilayah Scandinavia itu mempunyai penduduk hanya sekitar lima juta, manakala saiz penduduk Malaysia ialah 27.9 juta. Ketiga-tiga negara maju itu merdeka sejak lebih 100 tahun lalu. Malaysia baru saja lima dekad merdeka. Oleh itu, mengambil Finland lalu dibandingkan dengan Malaysia adalah satu perbandingan yang amat tidak bijak.

Dari segi enrolmen pelajar, Finland hanya mempunyai jumlah keseluruhan pelajar universiti tidak sampai 170,000 (kira-kira saiz pelajar UTM sahaja), Denmark 241,000 pelajar dan Norway 144,000 pelajar. Malaysia mempunyai seramai 1.1 juta pelajar di semua institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara.

Apabila Finland dan negara Scandinavia mengamalkan dasar pendidikan tinggi percuma kepada rakyatnya, bukan bermakna Malaysia juga boleh dan sudah bersedia melaksanakannya sekarang. Kita barangkali berupaya melaksanakannya suatu hari nanti selepas mencapai tahap seperti mereka. Kita harus mengukur baju di badan sendiri.

Dengan itu, PTPN jangan dikorbankan dahulu sebelum kita bersedia memberikan pendidikan tinggi percuma sepenuhnya. Kini hampir 90 peratus kos pengajian tinggi negara di IPT awam dibiayai kerajaan.

Negara seperti Greece dan Malta juga memberi pendidikan tinggi percuma kepada rakyatnya. Namun, hari ini mereka sedang bergelut dengan kemiskinan kerana gagal mengurus ekonomi negara dengan baik.